

# Kreativiti, intelektual penulisan manuskrip negara diiktiraf



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan bergambar ramai pada Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019, berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 16 Oktober. - Manuskrip Melayu - Jawi Brunei diketahui mempamerkan ciri-ciri keBruneian dalam menghasilkan penulisan manuskrip dan tidak kurang hebatnya malah setanding dengan manuskrip Melayu - Jawi lain di Alam Melayu.

Keunikan penjilidan manuskrip lama negara telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dan diakui daripada sarjana Barat seperti Ruslde Jones (seorang pengkaji manuskrip) ketika melakukan pengkajian di London atau di Belanda (Holland) yang juga turut disokong oleh Annable dari British Library.

Pengiktirafan ini sangat penting dalam sejarah penulisan manuskrip Brunei kerana orang Brunei kitani telah berjaya menonjolkan kreativiti dan intelektual kitani dalam arena penulisan manuskrip.

Dekan Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali

(UNISSA), Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad semasa menyampaikan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019 bertajuk 'Manuskrip Melayu - Jawi Legasi Intelektual Sepanjang Zaman', seterusnya menjelaskan, budaya pemartabatan Manuskrip Melayu - Jawi kekal sehingga ke hari ini, bahkan diperhebatkan lagi pada era pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Negara Brunei Darussalam berjaya melakar sejarah dalam dunia manuskrip, iaitu pembinaan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkhiah.

"Baginda bukan semata-mata menyediakan bangunan bahkan melengkapinya dengan koleksi peribadi baginda antaranya manuskrip. Balai ini sepertimana yang dihasratkan baginda akan

menjadi pusat khazanah intelektual Islam.

"Visi dan misi baginda bagi balai ini sangat jelas, balai ini sepertimana yang dihasratkan baginda akan menjadi pusat khazanah intelektual Islam di mana balai ini bukan sahaja berfungsi sebagai pembarigian dan pemberi maklumat khazanah Islam bahkan lebih dari itu sebagai pusat penyelidikan khazanah Islam," terangnya pada Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019 yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkhiah, hari ini.

Berkenan berangkat ke Ceramah Perdana tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di sini dijunjung oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu Sempena Majlis Ilmu 2019, serta isteri Menteri di JPM, Datin Hajah Zalina binti Haji Omar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Agama Kanan di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Norainiyanti binti Haji Hussin.

Diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda yang antara lain menyembahkan, keberangkatan Yang Teramat Mulia itu mencerminkan komitmen dan sifat pemudulian dan sokongan YTM yang amat bernilai kepada rakyat dan penduduk untuk

secara berterusan meningkatkan lagi ilmu pengetahuan demi kemajuan diri, masyarakat, bangsa, agama, negara dan ummah.

Tambahnya, tema 'Manuskrip Islam Mercu Tanda Ketamadunan Umat' ingin memperlihatkan bagaimana ketamadunan Islam sebelum ini berkait rapat dengan negara yang mempunyai falsafah yang mengamalkan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek pembangunan di mana keadaan negara-negara

tersebut menikmati suasana bernegara yang aman damai serta mempunyai nilai-nilai kehidupan dan kemasyarakatan yang terpuji.

Setelah bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Dayang Norainiyanti binti Haji Hussin, YTM kemudian berkenan berangkat menandatangani Lembaran Kenangan dan kemudian dijunjung untuk bergambar ramai sebelum berangkat meninggalkan majlis.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan berangkat dan mendengarkan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019.



ANTARA yang hadir dan mendengarkan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019.



TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad pada sembah alu-aluan (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2019 bertajuk 'Manuskrip Melayu Jawi Legasi Intelektual Sepanjang Zaman' disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad (Ph.D) dari Fakulti Bahasa Arab Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

